

KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)

Inspirasi sastera Kathirina Tati



Memulakan genre puisi pada peringkat awal semasa di sekolah menengah, Kath juga mengutip banyak berpengalaman dalam persatuan penulis, antaranya Ikatan Penulis Sabah (IPS), sebelum menyertai Bahasa dan Sastera Sabah (Bahasa), Persatuan Penulis KadazanDusun Murut (KDM) dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena). Hingga kini, Kath mungkin bintang penyeri era 1990-an yang terus gemerlapan kerana khabarnya dia merancang menyiapkan novel, juga kumpulan cerpen terbaru, kumpulan puisi dan antologi puisi. Jika kita meyorot hasil buah tangan Kath terhadap karyanya, sama ada cerpen atau puisi, kebanyakannya adalah berkisar kehidupan dan adat budaya masyarakat KDM. Juga menggambarkan peri hubungan antara kaum di negeri ini yang unik, sama ada menerusi perkahwinan, sosial dan budayanya.


PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)



KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)

MUTAKHIRNYA, selepas pertama kali cerpen 'Nostalgia' disiarkan sebuah akhbar tempatan pada 1995, Kathirina Susanna Tati, sisa penulis era 1990-an, terus relevan apabila menghasilkan kumpulan cerpen terbaru 'Tangis Buliga'.

Era 1990-an yang turut melahirkan ramai penulis wanita, adalah kesinambungan daripada kelahiran penulis wanita terdahulu, hingga kini jumlah pengarang yang seangkatan Kathirina seolah-olah mengisterahatkan pena masing-masing. Tetapi, Kath - panggilan bagi kebanyakan rakan sasteranya, masih terus megah dipersada seni kesusasteraan negeri, sambil diapit oleh ramai pula 'anak buahnya' di kalangan tunas baru penulis wanita, antaranya mencatatkan rekod baru kepengarangan seni kreatif.

Kepengarangan baru ini, antaranya Ruhaini Matdarin dan Dayangku Mastura adalah antara penulis wanita era tahun 2000 yang mencapai puncaknya setahun lalu berdasarkan pencapaian pengiktirafan menerima hadiah sastera di peringkat kebangsaan. Selain mereka, Faridah Abdul Hamid, Pena Alam, Azridah Abadi, Jun Irnanis, Ramlah Abd Rasid, Clara Maroon, Julia Ungai, Rozeline Vitalis,

Inah Samsuddin, Suhaila Muhassan, Noraini Osman, selain penerima SEA Writers Award, Azmah Nordin, adalah antara penulis wanita yang masih kukuh dipersada susastera negeri atau kebangsaan. Manakala Alny Leora, Stephy Steph dan Catrin Yaw adalah penulis tunas baru yang turut muncul pada tahun lalu.

Kath, lahir pada 30 Ogos 1958, memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Aru dan Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) Sanzac, Kota Kinabalu. Dua tahun lalu, Kath

menamatkan pengajian Master in Business Management, sebelumnya Diploma in Hospitality and Tourism dan Diploma in Business Administration.

Memulakan genre puisi pada peringkat awal semasa di sekolah menengah, Kath juga mengutip banyak berpengalaman dalam persatuan penulis, antaranya Ikatan Penulis Sabah (IPS), sebelum menyertai Bahasa dan Sastera Sabah (Bahasa), Persatuan Penulis Kadazan Dusun Murut (KDM) dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena).

Hingga kini, Kath

KERATAN: ufusan BorneoTARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)

mungkin bintang penyeri era 1990-an yang terus gemerlapan kerana khabarnya dia merancang menyiapkan novel, juga kumpulan cerpen terbaru, kumpulan puisi dan antologi puisi.

Jika kita meyorot hasil buah tangan Kath terhadap karyanya, sama ada cerpen atau puisi, kebanyakannya adalah berkisar kehidupan dan adat budaya masyarakat KDM. Juga menggambarkan peri hubungan antara kaum di negeri ini yang unik, sama ada menerusi perkahwinan, sosial dan budayanya.

Ia adalah pengalaman, katanya. Sebagai penulis suku KDM, penerapan adat resam suku kaumnya bukan semata-mata menjadi rujukan kepada pengkaji seni susastera pada masa akan datang, malah memastikan ia tidak dilupai oleh generasi muda, selain memperkenalkan kepada masyarakat lain.

Sebelum cerpen Tangis Buliga yang menjadi tajuk kumpulan cerpen terbaru ini, Kath juga menghasilkan kumpulan cerpen Sogit (Iris Publishing, 2010) yang memuatkan 19 cerpen, dan cerpen Sogit itu sendiri adalah mengenai adat dan pantang larang KDM yang tidak lagi diambil peduli oleh masyarakatnya sendiri.

Zaman berubah, daripada masyarakat negeri ini menerima amukan penjajahan, perjuangan, hingga zaman kemerdekaan, kemodenan dan kemudian langit terbuka yang dinamakan globalisasi, banyak mempengaruhi kesetiaan generasi di negeri atau negara berkenaan terhadap budayanya, malah anutan agama.

Dan atas nama peredaran zaman inilah, maka cerpen Kath, bukan hanya Tangis Buliga, malah Sogit, memerlukan analisis dan pengamatan yang saksama kerana di situ kita mendapati terlalu banyak adat konflik atau pertentangan di kalangan generasi baru dan lama terhadap amalan adat resam sudah ditinggalkan, atau dilupai kerana pengaruh budaya dan sosial kebebasan dari Barat atau asimilasi dengan suku kaum di negeri ini. Umum mengetahui bahawa selain KDM kaum terbesar, antara lain suku kaum tempatan ialah Bajau, Brunei, Bisaya, Iranun, Kedayan dan Suluk.

Tangis Buliga adalah salah satu cambahan kreatif Kath, yang memasuk dan mengubah teks cerita rakyat. Ia bukan secara langsung mengenai adat budaya KDM, tetapi bentuk intertekstualiti daripada cerita rakyat mengenai naga dan mutiara Gunung Kinabalu. Di sebalik itu, ia turut menyelitkan pantang larang dan penunggu di gunung (Kinabalu) menurut kepercayaan masyarakat KDM.

Dari segi kepercayaan masyarakat KDM, Gunung Kinabalu ialah tempat persemadian roh suci atau roh mereka apabila meninggal kelak. Untuk itu mereka perlu mengadakan upacara menyemah atau 'sogit' iaitu seekor ayam untuk mengelak bala atau menenangkan roh-roh yang mungkin terganggu kehadiran pendaki.

Sejak meneliti karya Kath beberapa tahun lalu, tumpuan saya bukan hanya pengkisahan yang digarap hasil sosio budaya

masyarakatnya (KDM), tetapi sering tertumpu aspek kemahiran penulis bukan Melayu menurunkan pemikiran KDM pada karya masing-masing. Seperti penyair Raymond Majumah dan Daniel Jebon Janaun, keistimewaan Kath terserlah dengan penguasaan bahasa Melayunya, kerana adanya kepelbagaian teknik penyampaian suatu cerita, maka cerpen dan pengolahan gaya bahasanya adalah sama, tidak kurang atau lebih berbanding rakan penulisnya sezaman.

Perkara ini diakui oleh sasterawan dan penyair Prof Madya Dr Lim Swee Tin yang memberikan kata penghantar pada kumpulan cerpen Tangis Buliga.

Menurut Dr Swee Tin, sebagai pengarang bukan Melayu, kekuatan Kathirina juga terserlah melalui penguasaan bahasa Melayu yang membanggakan. Dikatakan membanggakan kerana pengarang bukan sahaja mampu mencipta diskripsi yang jelas kepada pembaca, tetapi mampu mengangkat penguasaan bahasa menjadi ramuan estetik yang memukau juga tatkala membaca satu persatu cerpenya. (Tangis Buliga, ITBM, 2012)

Selain ahli sastera yang berpuluh tahun yang turut mencurahkan pemikirannya dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan negeri dan kebangsaan, memang Kath memiliki pengkhususan untuk melihat adanya keperluan untuk mengangkat teks sastera lama, dahulunya cerita lisan yang telah dibukukan, untuk digarap dan diberi nafas baru menerusi penceritaan semula menerusi watak dan

KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)

perwatakan masyarakat moden.

Menurut Mana Sikana (2007), intertekstualiti dalam suatu karya ialah pengaruh teks lain dalam karya yang dihasilkan kemudian. Ini adalah sesuai dengan teori Julia Kristeva, yang dipetikinya berkata,

Pengangkatan atau pemindahan ini bukanlah satu yang asing atau ciplak, tetapi teks yang terhasil daripada kutipan, penerapan dan transformasi teks lain dan penciptaan sebuah karya terhasil dengan adanya sumber karya sebelumnya.

Berdasarkan Mana Sikana, kita melihat kebolehan Kath untuk mentafsir semula beberapa teks kesusasteraan lama, terutamanya cerita lisan atau teks cerita rakyat, khususnya cerita masyarakat Sabah (termasuk masyarakat Bajau, Brunei dan Iranun).

Walaupun saya tidak memperincikan cerita rakyat berkenaan, tetapi sebahagiannya adalah Nunuk Ragang, Si Kalabatu (KDM), Durian Merah (Orang Sungai), Asal Padi (Melayu Brunei) dan Batu Hidup (Melayu Brunei dan KDM), Nenek dengan Buaya (Bajau), Awang Semaun (Melayu Brunei, Kedayan dan Bisaya) dan Mengapa Harimau Berpindah dari Bumi Borneo (Bajau).

Sebab itu, mengapa kepengarangan Sabah masih mengekalkan bentuk penulisan yang masih berteraskan kepercayaan, kebudayaan, adat resam serta taraf perhubungan yang unik seperti perkahwinan campur.

Sementara itu, Tangis Buliga memuatkan 18 cerpen terbaru Kathirina diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), 2012. Antara cerpen ialah Adakah Esok Untuk Ku, Tangis Buliga, Penyesalan Tidak Bertepi, Selamat Tinggal Onsurai, Adat, Kasih Tetap Akan Bersemi, Bukan Sekadar Impian, Gelora di Jiwa, Kenapa Mama, Kasih Terlerai, Kudakap Satu Harapan, Ayah, Darah Pahlawan, Kinomo Baqru, Butakah Cinta Itu?, Bukan Milikku dan Tingaton.

Selain aspek kebudayaan, kumpulan cerpen ini juga menghidangkan pengalaman Kath dengan rakyat luar negara seperti wanita dari Jepun.

Adalah

4
KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-2-2013

M/S:

(B5)

diharapkan, seni kesusasteraan negeri khususnya akan terus berkembang dan pesat juga ditangan penulis wanita. Tidak dinafikan sejak era Noraini Salleh (Datuk Hajah Noraini Salleh), menubuhkan Persatuan Penulis Sabah (Perpesa) pada 1966, telah turut melahirkan Badan Bahasa Sabah (Bahasa) pada 19 Mac 1970, yang melahirkan ramai penulis wanita.

Pada masa itu, Noraini tidak berseorangan apabila Jamdin Buyong (Datuk) dan Dzulkifli Abd Hamid (Datuk), Harun Haji Salleh dan Datuk Mohd Ahyar Nasution menubuhkan persatuan yang hingga kini terus membangun pesat. Sejak tiga tahun lalu Bahasa dipimpin oleh Jasni Matlani.

Selain Noraini, penulis wanita yang muncul sejak era 50-an ialah Zahati atau Azizah Lakim (1950), sebelum Dayajng salmah Salam, Hajah Zaiton haji Ajamain, Sairah Antin, Rubiah Nordin, Rubiah Dullah, dan Raya Erom (Datin Seri).

Tahun 1980 hingga 90-an boleh dianggap zaman keemasan penulis wanita apabila melahirkan ramai penulis yang berwibawa termasuk Obasiah Haji Osman, Siti Rahmah G Ibrahim, Ariaiah Judah, Mariam Omar, Azmah Nordin (SEA Writers Award), Aminah Awang Besar, Ony Latifah Osman, Rosnah Radin, Noraini Osman, Siti Aidah Haji Lokin, Asmiaty Amat, Amelly Ann Kissing, Nelawati Ngadul, Rafidah Matasan, Siti Hadiyah Haji Abdul Mutalib, Sasjira, Jariah Taha, Jaliha Jaman dan Hamidah Kassan.

Daripada semua ini, Kath yang muncul pada era 1990-an, agak jauh meninggalkan rakan seangkatannya dengan Tangis Buliga, manakala Azmah Nordin masih gagah dengan penghasilan novel, dua penulis mapan yang diharap menggalas merangsang penulis baru wanita.

Dengan Tangis Buliga berada di pasaran kelak, kita berharap ia bukan hanya menambah koleksi, malah mengangkat terus perkembangan martabat sastera di negeri dan negara.

Artikel ditulis oleh YATIM
TAUBATAL ANDAM